

B530
RAHIM 1

OLEH RACHMAN NORDIN DAN IDZAN ISMAIL

1981

KUALA LUMPUR, 7 NOV. (BERNAMA)-- HAJI ABDUL RAHIM ABU BAKAR MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI MENTERI BESAR PAHANG MULAI HARI INI. PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN.

AHLI EXCO KANAN, DATUK HAJI ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN AKAN MENGAMBIL TEMPATNYA.

HAJI ABDUL RAHIM AKAN KEKAL SEBAGAI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN BESERAH DAN KEDUDUKANNYA SEBAGAI AHLI MAJLIS TERTINGGI UMNO TIDAK BERUBAH.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MEMBERITAHU PARA PEMBERITA DEMIKIAN SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT BULANAN MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU DI SINI.

HAJI ABDUL RAHIM AKAN BERCUTI DUA BULAN DAN DALAM TEMPOH ITU AKAN BERKURSUS DI AMERIKA SYARIKAT. --BERSAMBUNG 1406/AH

B538
RAHIM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMBUAT KEPUTUSAN SUPAYA HAJI ABDUL RAHIM MELETAKKAN JAWATANNYA SEBAGAI MENTERI BESAR +DEMI KEPENTINGAN POLITIK+. DAN UNTUK MEREDAKAN KRISIS DI PAHANG.

MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI SEBULAT SUARA MENYETUJUI KEPUTUSAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

HAJI RAHIM HADIR DALAM MESYUARAT HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN PERLETAKAN JAWATANNYA, HAJI RAHIM JUGA AKAN MELEPASKAN JAWATAN TIMBALAN KETUA PERHUBUNGAN UMNO PAHANG.

KETIKA INI DATUK SERI DR. MOHAMAD SENDIRI, MENJADI KETUA BADAN ITU TETAPI BELIAU MEMANG BERHASRAT MEMBERIKAN JAWATAN KETUA PERHUBUNGAN UMNO PAHANG NEGERI ITU KEPADA TOKOH DARI PAHANG SENDIRI, SATU MASA KELAK.

TENTANG PENGGANTI HAJI RAHIM, PERDANA MENTERI BERKATA SULTAN PAHANG TELAH PUN MEMPERKENANNYA DAN PADA PENDAPAT BELIAU DATUK RASHID ADALAH ORANG PALING SESUAI MENJADI MENTERI BESAR BARU.

MENGIKUT LAPORAN DARI KUANTAN, DATUK RASHID AKAN MENGANGKAT SUMPAH MENJADI MENTERI BESAR PADA HARI RABU INI.

--BERSAMBUNG 1440/AH

B543
RAHIM 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA AHLI EXCO BARU DI LANTIK MENGGANTIKAN TEMPAT DATUK RASHID.

MENJAWAB PERTANYAAN, PERDANA MENTERI BERKATA +KAMI BERPUAS HATI DENGAN PRESTASI HAJI RAHIM SEBAGAI MENTERI BESAR.+

BELIAU TIDAK BERCADANG HENDAK MEMBERIKAN PENJELASAN SECARA MENGELUARKAN KENYATAAN RASMI UMNO MENGENAI ISSU HAJI RAHIM.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEMIMPIN UMNO PAHANG TELAH MEMINTA BELIAU MENYELESAIKAN KRISIS ITU DAN BELIAU BERHARAP KEPUTUSANNYA ITU DITERIMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MENJANGKA APA REAKSI ATAU KESAN DARI KEPUTUSANNYA TERUTAMA DI KALANGAN PENYOKONG HAJI RAHIM.

+SAYA TIDAK TAHU BAGAIMANA BOLEH DIKETAHUI KESANNYA TETAPI KAMI AKAN MEMERHATIKAN KEADAAN.+

--BERSAMBUNG 1507/AH

B552

RAHIM 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEBAGAI SEORANG AHLI POLITIK, BELIAU SEDAR AKAN AKIBAT-AKIBAT DARI KEPUTUSAN YANG DIBUATNYA.

DALAM KEADAAN KRISIS YANG BERLAKU DI PAHANG, PERLETAKAN JAWATAN HAJI RAHIM TIALAH SAHAJA SEBAIK-BAIK JALAN KELUAR BAGI MENYELESAIKANNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYANGKAL DAKWAAN KONONNYA NAMA DATUK RASHID SEBAGAI PENGGANTI HAJI RAHIM PERNAH DIKEMUKAKAN DAHULU TETAPI DITOLAK OLEH ISTANA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NAMA DATUK RASHID DIPERSEMBAHKAN KEPADA SULTAN PAHANG MINGGU LALU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYANGKAL DAKWAAN KONONNYA BELIAU DIPENGARUHI OLEH ISTANA UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN TETAPI SEBALIKNYA MENJELASKAN BAHAWA ADALAH PERKARA BIASA BAGINYA UNTUK MENYEMBAHKAN KEPADA SULTAN ATAU PEMANGKU RAJA PAHANG TENTANG KEPUTUSAN YANG HENDAK DIAMBILNYA TENTANG ISU ITU.

--BERSAMBUNG 1531/AH

B566

RAHIM 5 KUALA LUMPUR

MENJAWAB PERTANYAAN PEMBERITA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK ATAU MENJANGKA APA-APA KECENDERUNGAN DI PIHAK ISTANA UNTUK CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL POLITIK.

BELIAU MENEGASKAN TIDAK ADA PENGLIBATAN ISTANA DALAM POLITIK.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK ATAU MENJANGKA APA-APA KECENDERUNGAN SUPAYA HANYA TOKOH-TOKOH YANG DISUKAI OLEH ISTANA SAHAJA DILANTIK MENJADI MENTERI BESAR.

KATA BELIAU, +MEMANGLAH BIASANYA KAMI MAHU SEORANG MENTERI BESAR YANG BOLEH SECOCOK DENGAN KETUA NEGERI+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MUNGKIN TERDAPAT SEDIKIT-SEBANYAK PERBEZAAN PENDAPAT ATAS HAL-HAL KECIL ANTARA PEMIMPIN POLITIK DENGAN ISTANA TETAPI TIDAK ADA PERSELISIHAN YANG BESAR.

DALAM KRISIS DI PAHANG, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MENYALAHKAN MANA-MANA PIHAK.

--BERNAMA 1613/AN